



Peserta program ujian Genovasi gembira menerima sijil masing-masing.

# Pencarian Duta Inovasi

Oleh Basir Zahrom  
basir@bharian.com.my

► Petaling Jaya

**U**nit Inovasi Khas (UNIK), Jabatan Perdana Menteri mengalu-alukan penyertaan golongan muda menjadi Duta Inovasi menerusi inisiatif Genovasi (Generasi dan Inovasi) iaitu program baru kerajaan bagi membangunkan kemahiran inovasi dalam kalangan belia.

Ketua Pegawai Eksekutif UNIK, Datuk Dr Kamal Jit Singh, berkata inisiatif itu akan dilancarkan sebagai

satu entiti tahun depan sekali gus memperlihatkan usaha kerajaan membangunkan belia supaya memainkan peranan aktif dalam mempertingkatkan dan menambah baik negara.

Katanya, UNIK mensarankan sekurang-kurangnya 5,000 Duta Inovasi dapat dihasilkan dalam tempoh lima tahun akan datang melalui inisiatif itu.

"Program Duta Inovasi ini dijalankan selama 10 minggu bermula Februari tahun depan bagi tujuan mengumpulkan belia kreatif dan berinovasi untuk bekerjasama menjana idea menyelesaikan permasalahan dihadapi rakyat di negara ini.

"Tiga laluan disediakan iaitu masyarakat (projek pusat untuk memberi manfaat kepada rakyat), ekonomi (projek menjana kekayaan baru) dan projek peningkatan kerajaan bagi membantu penyampaian perkhidmatan.

"Peserta berpeluang mendapat latihan industri apabila mereka ditempatkan di kementerian kerajaan, badan bukan kerajaan atau korporat," katanya ketika ditemui dalam program ujian inisiatif itu di sini, baru-baru ini.

## Perkongsian idea

28 peserta terdiri daripada pelajar prasiswazah dan pasca-siswazah dari empat institu-

si pengajian tinggi awam dan swasta mengikuti program dua hari itu.

Pelajar ijazah doktor falsafah Bioteknologi, Universiti Putra Malaysia, Mohd Akmal Mohd Raffi, 24, berkata program itu menjadi landasan bagi menyampaikan dan berkongsi idea dengan rakan belia lain untuk dimanfaatkan bersama-sama segenap masyarakat di negara ini.

Katanya, peserta datang daripada bidang berbeza, justeru berkumpul akan menghasilkan kerjasama pintar yang diyakini mampu merungkai banyak permasalahan.

"Program ini berbeza dengan sesi kuliah di univer-

siti kerana ia lebih kepada praktikal dan fokus kepada apa masalah yang mahu diselesaikan dengan terus bertemu serta bertanya keperluan khalayak sarasaran.

"Program ini juga mengajar saya menjadi individu berkeyakinan tinggi untuk berhadapan dengan sesiapa pun atau apa saja tugas yang perlu diselesaikan," katanya.

## Program menarik

Pelajar rekaan dalaman, Institut Malaysia of Art, Lim Ee Harn, 18, berkata program itu perlu diperluaskan dan dipanjangkan lagi tempoh pengjurannya memandangkan ia baik untuk belia yang mahu mengenal potensi sebenar diri mereka.

"Banyak masalah boleh selesai jika pendekatan begini (seperti Genovasi) dibuat kerana banyak perbincangan yang menjurus kepada penyelesaian berteraskan inovasi yang kami lakukan untuk beberapa tugas yang diberikan oleh urus setia UNIK.

"Saya akan buat permohonan untuk menyertai Genovasi tahun depan supaya dapat belajar dan memberi sumbangan idea kepada pembangunan negara," katanya.

Program edisi pertama Genovasi akan dimulakan pada 4 Februari hingga 21 April 2013 dan mereka yang berminat untuk menyertainya boleh menghantar borang penyertaan ke e-mel apply@genovasi.my atau faks ke 03-83180716 sebelum tarikh tutup 4 Januari 2013.

Sebarang pertanyaan hubungi Genovasi di talian 03-83180210, layari laman sesawang www.genovasi.my atau Facebook, www.facebook.com/mygenovasi.